SURAT PEMBERITAHUAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
BIL: 03/2018
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DALAM NEGERI BAGI SESI AKADEMIK 2018/2019

Setiausaha Tetap di Kementerian /Jabatan atau **Naib Canselor /Rektor /Ra'es** di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang telah membuat perancangan bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini digelar Kerajaan) di Kementerian dan Jabatan masing-masing untuk mengikuti latihan/pengajian melalui **Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri** bagi sesi akademik 2018/2019 hendaklah menghadapkan sokongan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam **setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia (JPSTM) Kementerian/Jabatan masing-masing.**

1. SYARAT-SYARAT UTAMA

1.1 Pegawai-pegawai yang disokong mestilah memenuhi peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan: 27/1988 (Peraturan-Peraturan dan Syarat-Syarat Yang Mengawal Mengenai Dengan Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri).

1.2 Berumur **40 tahun dan ke bawah pada tarikh kursus dijadualkan bermula.** Bagi pegawai yang memohon kursus Ijazah Kedoktoran Falsafah (*Ph.D*), keutamaan akan diberikan kepada pegawai yang berumur **35 tahun ke bawah.**

1.3 Pegawai/kakitangan Kerajaan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Perkhidmatan Tetap dan berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari dua (2) tahun perkhidmatan.

1.4 Mempunyai **Laporan Penilaian Prestasi (LPP) seperti berikut:**

1.4.1 Bagi **kemasukan mulai Januari 2018**, hendaklah **mempunyai LPP tiga (3) tahun kebelakangan sekurang-kurang Sangat Baik (Gred B) bagi dua (2) tahun berturut-turut dan Cemerlang (Gred A) di tahun terakhir penilaian:**

Tahun	Prestasi
2015	Sangat Baik (Gred B)
2016	Sangat Baik (Gred B)
2017	Cemerlang (Gred A)

1.4.2 Bagi **kemasukan mulai Januari 2019**, hendaklah **mempunyai LPP tiga (3) tahun kebelakangan sekurang-kurang Sangat Baik (Gred B) bagi tahun 2016, Cemerlang (Gred A) bagi tahun 2017 dan sekurang-kurangnya Sangat Baik (Gred B - LPP baru] di tahun terakhir penilaian (tahun 2018):**

Tahun	Prestasi
2016	Sangat Baik (Gred B)
2017	Cemerlang (Gred A)
2018 (LPP baru)	Sangat Baik (Gred B)

1.4.3 Bagi pegawai yang **tempoh penilaian prestasi kurang dari tiga (3) tahun kebelakangan, ulasan sokongan berkursus hendaklah dihadapkan bersama dengan laporan sulit** mengenai prestasinya.

PERHATIAN:

- Perubahan prestasi akan dikemaskini setelah perlaksanaan prestasi baru.
- Laporan terperinci bagi perkara-perkara yang menyebabkan kenaikan peratus (5% ke atas) hendaklah dihadapkan bersama.

1.5 **Rekod Perkhidmatan *GEMS* (RPG) hendaklah dikemaskini** sepertimana Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan: 13/2014.

Ketua Jabatan dikehendaki memastikan setiap maklumat pegawai dan kakitangan adalah sahih, kemaskini dan teratur di dalam *Government Employee Management System* (*GEMS*) dengan memberikan pengesahan secara bertulis bagi setiap sokongan yang dihadapkan.

Bagi sokongan yang mana RPG belum dikemaskini sepenuhnya akan dikembalikan dan tidak diproses.

1.6 Ketua Jabatan hendaklah memastikan mana-mana pegawai dan kakitangan yang pernah mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) **mempunyai lebihan perkhidmatan yang mencukupi bagi menjalani tempoh ikat janji terdahulu dan yang akan datang** setelah selesai mengikuti LDP sepertimana ditetapkan oleh Kerajaan.

Tempoh ikat janji (*bond*) dengan Kerajaan adalah seperti berikut:

Tempoh kursus	Tempoh Ikat Janji (*Bond*)
Kurang daripada empat (4) bulan	1 tahun
Empat (4) bulan hingga kurang daripada lapan (8) bulan	2 tahun
Lapan (8) bulan hingga kurang daripada satu (1) tahun	3 tahun
Satu (1) tahun hingga kurang daripada dua (2) tahun	5 tahun
Dua (2) tahun hingga kurang daripada tiga (3) tahun	7 tahun
Tiga (3) tahun hingga kurang daripada empat (4) tahun	9 tahun
Empat (4) tahun hingga kurang daripada lima (5) tahun	11 tahun
Lima (5) tahun hingga kurang daripada enam (6) tahun	13 tahun
Enam (6) tahun hingga kurang daripada tujuh (7) tahun	15 tahun
Tujuh (7) tahun hingga kurang daripada lapan (8) tahun	17 tahun

Nota:

i. Tempoh ikat janji adalah berdasarkan kepada tempoh menerima kemudahan dibawah Skim LDP yang dibenarkan;
ii. Jika tempoh kursus berubah maka tempoh ikat janji akan berubah (bertambah atau berkurang) daripada tempoh ikat janji yang asal;
iii. Tempoh ikat janji bermula pada tarikh melapor diri selepas mengikuti kursus yang dibenarkan.

1.7 Sokongan Kementerian /IPTA bagi mengikuti LDP secara **Skim Cuti Belajar Dalam Negeri** hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut:

1.7.1 **Kursus yang akan diikuti hendaklah dalam bidang-bidang strategik** mengikut **perancangan dan keperluan** Kementerian /IPTA, bukan hanya sekadar yang berbentuk perkembangan individu (*personal development*);

1.7.2 **Perancangan dan keperluan selaras dengan rancangan penggantian (*succession planning*)** Kementerian /IPTA;

1.7.3 **Berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab serta jawatan** pegawai yang disokong;

1.7.4 Mengutamakan **pegawai yang terbaik** iaitu calon yang benar-benar layak ***(material candidate)*** yang mempunyai **potensi tinggi** untuk dapat mengikuti dan berjaya menamatkan kursus dengan cemerlang dalam tempoh yang telah ditentukan;

1.7.5 **Perbandingan dan senarai nama pegawai-pegawai yang berjawatan sama /sebanding dengannya** dan ulasan kenapa pegawai-pegawai tersebut belum atau tidak disokong mengikuti LDP di peringkat yang dipohonkan; dan,

1.7.6 **Sumbangan dan pencapaian** pegawai yang disokong yang berkaitan dengan bidang tugasnya sama ada di peringkat Jabatan /Kementerian /negara atau antarabangsa. Lain-lain sumbangan dan pencapaian diluar bidang tugas adalah satu kelebihan.

1.8 Pegawai-pegawai yang akan mengikuti kursus di tahap **Diploma Kebangsaan Tertinggi (*Higher National Diploma*) /Diploma Lanjutan (*Advanced Diploma*) dan ke atas** yang **bahasa pengantarnya Bahasa Inggeris** mestilah **mempunyai kelulusan Bahasa Inggeris** melalui **salah satu** kaedah berikut:

1.8.1 Kelulusan **kredit Bahasa Inggeris** dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa **(*GCE O-Level*); atau,**

1.8.2 Memperolehi kelulusan ***International English Language Testing System (IELTS)*** dengan mendapat minima ***Band* 6.0 jurusan akademik** dalam tempoh **dua (2) tahun kebelakangan sebelum tarikh kursus bermula.**

*** Keputusan ujian hendaklah tidak kurang dari *Band* 5.5 bagi setiap komponen.**

Walaubagaimanapun, jika institusi pengajian menghendaki tahap *band* yang lebih tinggi, pemohon hendaklah memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh institusi berkenaan; **atau,**

1.8.3 Memperolehi minima **Gred C mata pelajaran Kertas Am (*General Paper*)** dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan **(*GCE AS Level*); atau,**

1.8.4 Memperolehi kelulusan ***International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) English as a Second Language*** (khusus bagi kelulusan yang diperolehi bermula tahun 2007 dan ke atas) dengan mendapat minima **Gred B; atau,**

1.8.5 Bagi pegawai–pegawai yang disokong untuk mengikuti **kursus Level 4 Diploma /*Higher National Technical Education Certificate* (*HNTec*) dan ke bawah** hendaklah sekurang-kurangnya memperolehi kelulusan Bahasa Inggeris di tahap ***'pass'*** dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa **(*GCE O-Level*)** atau kelulusan *International English Language Testing System* **(*IELTS*) minima *band* 5.0 jurusan akademik** atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya.

PERHATIAN:

Lain-lain kelulusan yang tidak tersenarai di atas, hendaklah mendapat pengiktirafan dari Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), Kementerian Pendidikan.

1.9 Pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana (Master)** hendaklah diikuti **tidak melebihi 18 bulan.**

1.10 Setiap sokongan untuk mengikuti **Skim LDP Dalam Negeri** adalah dikehendaki untuk menyertakan **salinan surat tawaran tempat pengajian /latihan /penempatan *(offer letter)*.**

Bagi sokongan yang telah dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan belum menyertakan tawaran tempat **pengajian /latihan /penempatan**, JPSTM hendaklah **menghadapkan** setelah memperolehinya **sekurang-kurangnya lima (5) minggu sebelum tarikh rasmi kursus bermula.**

Walaubagaimanapun bagi pegawai yang disokong mengikuti kursus di peringkat ***Ph.D* adalah dimestikan untuk menyertakan salinan surat tawaran tempat pengajian dan keterangan latarbelakang kepakaran bakal penyelia termasuk jumlah pelajar Ph.D yang telah diselia.**

Sokongan yang tidak menyertakan perkara tersebut akan dikembalikan dan tidak diproses.

1.11 Pegawai-pegawai yang disokong hendaklah bebas daripada sebarang kes yang melibatkan tindakan tatatertib termasuk yang masih dalam proses penyiasatan.

2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

2.1 Pegawai-pegawai yang disokong mestilah memenuhi syarat-syarat kelayakan akademik mengikut tahap bagi pengajian seperti berikut:

2.1.1	Ijazah Kedoktoran Falsafah (*Doctor of Philosophy, Ph.D*)	-	Mempunyai **Ijazah Sarjana** dengan **pencapaian markah keseluruhan sekurang-kurangnya di tahap Merit** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya; atau mempunyai kelulusan **Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama** dari universiti-universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan.
2.1.2	Ijazah Sarjana (*Master*)	-	i. Mempunyai **Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian (*Honours*) sekurang-kurangnya Kelas Kedua** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya; atau,

		-	ii.	Bagi negara-negara yang tidak menawarkan program peringkat Ijazah Pertama Kepujian (*Honours*) seperti Australia, Jerman, Kanada, Mesir dan lain-lain boleh dipertimbangkan dengan mengambil kira sistem penggredan (*grading system*) institusi berkenaan iaitu hendaklah memperolehi tahap keputusan **Merit /Gred B** atau yang sebanding dengannya.
2.1.3	Diploma Lepasan Ijazah atau Ikhtisas (*Postgraduate Diploma /Professional*)	-	i.	Mempunyai **Ijazah Sarjana Muda sekurang-kurangnya Kelas Kedua** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya; atau
			ii.	Bagi yang **tidak mempunyai Ijazah Sarjana Muda tetapi mempunyai kelulusan minima Diploma Kebangsaan Tertinggi (Higher National Diploma /Diploma Lanjutan (Advanced Diploma) atau sebanding dengannya serta memenuhi syarat-syarat lain, syarat kemasukan institusi dan mempunyai kelebihan dalam sumbangan dan pencapaian kepada Kementerian/ Jabatan dan telah mempunyai pengalaman perkhidmatan sekurang-kurangnya 7 tahun bolehlah dihadapkan untuk pertimbangan BMLDP.**
2.1.4	Ijazah Sarjana Muda (*Bachelor*)	-	i.	Mempunyai minima **tiga (3) mata pelajaran** Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan **(*GCE A-Level*)** atau yang sebanding dengannya yang **berkait rapat dengan kursus yang disokong** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dan sekurang-kurangnya memperolehi ***UCAS Tariff Points* minima 112 (280^) *points* dengan mendapat tidak kurang Gred B bagi matapelajaran yang berkait rapat dengan kursus yang akan diambil dan tidak kurang dari Gred C bagi matapelajaran lain.** Bagi keputusan peperiksaan yang dikumpulkan hendaklah diperolehi dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut; atau,

[Tariff Points baru: A*=56, A=48, B=40, C=32, D=24, E=16]
[Tariff Points lama^: A*=140, A=120, B= 100, C=80, D=60, E=40]

		- ii.	**Diploma Kebangsaan Tertinggi (*Higher National Diploma*) /Diploma Lanjutan (*Advanced Diploma*)** sekurang-kurangnya memperolehi ***GPA* (*Grade Point Average*) 2.0** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya. Nota: Perkiraan dibuat menggunakan tiga (3) *point grading system* iaitu kosong (0) *point* bagi gred terendah dan tiga (3) *point* bagi gred yang tertinggi. Mana-mana kelulusan yang menggunakan *grading system* yang berlainan akan diselaraskan menggunakan sistem perkiraan ini.
2.1.5	Diploma Kebangsaan Tertinggi (*Higher National Diploma*) atau Diploma Lanjutan (Advanced Diploma) atau BTEC Level 5 Diploma	- i.	Mempunyai **dua (2) mata pelajaran** Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan **(*GCE A-Level*)** yang berkait rapat dengan kursus yang disokong atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya tidak kurang dari **Gred C**; atau,
		- ii.	Mempunyai **Diploma Kebangsaan (*National Diploma*)** sekurang-kurangnya memperolehi ***GPA* (*Grade Point Average*) 2.2** atau sebanding dengannya. Nota: Perkiraan dibuat menggunakan tiga (3) *point grading system* iaitu kosong (0) *point* yang gred terendah dan tiga (3) *point* bagi gred yang tertinggi. Mana-mana kelulusan yang menggunakan *grading system* yang berlainan akan diselaraskan menggunakan sistem perkiraan ini; atau,
		- iii.	Bagi yang akan mengikuti kursus BTEC Level 5 Diploma hendaklah memperolehi **mata (*points*) dalam lingkungan 5 – 26** dari **lima (5) matapelajaran** Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa **(*GCE O-Level*) yang bersesuaian dengan kursus yang disokong**.

2.1.6	BDTVEC Diploma /*Higher National Technical Education Certificate* (*HNTec*) atau BTEC Level 4 Diploma	-	i. Mempunyai **kepujian (credit) lima (5) matapelajaran** dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa (*GCE O-Level*) **yang bersesuaian dengan kursus yang disokong**; atau
		-	ii. Mempunyai BDTVEC Sijil Certificate 3 dengan memperolehi *GPA* sekurang-kurangnya 2.2 dalam bidang yang berkait rapat dengan kursus disokong atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya.
2.1.7	Sijil /Diploma Pendidikan (Khusus bagi tenaga pengajar yang dipersyaratkan dalam lantikan sahaja)	-	Tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan Institusi Pengajian Tinggi yang dipohonkan.

2.2 Bagi yang tidak memenuhi syarat kelayakan akademik seperti di para 2.1 di atas, masih boleh dipertimbangkan tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat berikut:

2.2.1	Ijazah Kedoktoran Falsafah (*Doctor of Philosophy, Ph.D*)	-	Mempunyai **Ijazah Sarjana (lulus)** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya **dan telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan selama tidak kurang dari 7 tahun** dan **mempunyai prestasi ditahap Cemerlang tiga tahun berturut-turut**; dan Pernah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti akademik seperti membentangkan kertas kerja dan menerbitkan artikel-artikel diperingkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa adalah merupakan satu kelebihan.
2.2.2	Ijazah Sarjana (*Master*)	-	i. Mempunyai **Ijazah Sarjana Muda Kelas Ketiga (*Honours*)** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding **dan telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan selama tidak kurang dari 7 tahun** dan **mempunyai prestasi tiga tahun kebelakangan di tahap Sangat Baik, Cemerlang dan Cemerlang di tahun akhir penilaian**; atau ii. **Ijazah *Ordinary /Pass*** atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya **dan telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan selama tidak kurang dari 10 tahun** dan **mempunyai prestasi tiga tahun kebelakangan di tahap Sangat Baik, Cemerlang dan Cemerlang di tahun akhir penilaian.**

PERHATIAN:

i. Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat kelayakan kemasukan yang dikenakan oleh institusi pengajian yang dipohonkan;

ii. Lain-lain sijil kelulusan yang bukan dikeluarkan oleh institusi-institusi pendidikan Kerajaan, hendaklah mendapat pengiktirafan dari MKPK, Kementerian Pendidikan.

2.3 Kursus separuh masa (dihadiri di luar waktu bekerja seperti selepas waktu bekerja, hari Juma'at, Ahad dan kelepasan awam) atas perbelanjaan sendiri dengan tidak menjejaskan tugas-tanggungjawab harian serta waktu bekerja hendaklah mendapatkan kebenaran dari Ketua Jabatan masing-masing dan seterusnya memaklumkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

3. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

3.1 Pegawai yang disokong oleh Setiausaha Tetap di Kementerian atau Naib Canselor /Rektor /Ra'es di IPTA **hendaklah termasuk dalam Perancangan Latihan Kementerian /IPTA.**

3.2 Bagi pegawai yang disokong oleh Setiausaha Tetap di Kementerian atau Naib Canselor /Rektor /Ra'es di IPTA untuk mengikuti **Ijazah Sarjana (*Master*)** atau **Ijazah Kedoktoran Falsafah (*Ph.D*)** adalah **dikehendaki** untuk **menyertakan perkara-perkara berikut:**

3.2.1 **Cadangan bidang kajian (*research proposal*)** mengikut format **garis panduan seperti di Para 3.2.6** yang dapat menunjukkan kesesuaian tajuk dan perinciannya sejajar dengan perancangan strategik Kementerian dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

i. Cadangan tajuk tesis dan latar belakang yang sesuai dan menepati keperluan perancangan Kementerian /Jabatan serta boleh menyumbang kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam sejajar dengan Wawasan Brunei 2035;

ii. Jadual rancangan penyelidikan yang dikenalpasti;

iii. Rujukan yang digunakan hendaklah daripada hasil kajian terkemuka dan berkaitan dengan topik cadangan;

iv. Pemahaman asas kaedah-kaedah kajian;

v. Rumusan cadangan yang mantap;

vi. Kebolehan berkomunikasi dari segi penulisan;

vii. Kebolehan dalam membuat penganalisaan secara kritikal dan strategik;

viii. Telah membuat penyelidikan awal dan mempunyai orientasi menjalankan kajian diperingkat *Ph.D* atau sebanding;

ix. Cadangan tajuk tesis hendaklah **disahkan dan dicop** oleh **Pengerusi JPSTM** di Kementerian / IPTA masing-masing seperti berikut:

a. Bidang kajian yang akan dibuat merupakan bidang kajian yang baru dan belum pernah dibuat kajian mengenainya sebelum ini; dan,

b. Cadangan kertas kajian telah diteliti dan dinilai oleh panel mesyuarat JPSTM.

3.2.2 **Impak kajian** selaras dengan perancangan strategik serta halatuju Kementerian /Jabatan. Bagi **tenaga pengajar**, hendaklah menyertakan **impak kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran penuntut /mahasiswa.**

3.2.3 **Perancangan Kementerian /Jabatan** bagi pegawai **setelah menamatkan kursus** di peringkat *Master atau Ph.D.*

3.2.4 **Perbandingan dan senarai nama pegawai-pegawai yang berjawatan sama /sebanding dengannya** dan ulasan kenapa pegawai-pegawai tersebut belum atau tidak disokong mengikuti LDP di peringkat yang dipohonkan.

3.2.5 Bagi pegawai yang disokong mengikuti ***Ph.D*** hendaklah juga **menyertakan perkara-perkara berikut:**

i. **Pandangan dan ulasan secara menyeluruh dari bakal penyelia mengenai cadangan kajian** yang akan dijalankan;

ii. ***'Executive Summary'* bagi cadangan kajian yang akan dijalankan;** dan,

iii. **Keterangan latarbelakang kepakaran bakal penyelia** termasuk jumlah penyeliaan yang terdahulu dan terkini, rekod penyeliaan dan pencapaian yang telah dijalankan.

3.2.6 Garis Panduan cadangan bidang kajian hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

i. Pendahuluan;
ii. Latar Belakang Kajian;
iii. Bidang Kajian;
iv. Objektif Kajian;
v. Soalan Kajian;
vi. Tinjauan Literatur;
vii. Metodologi Penyelidikan;
viii. Kepentingan Kajian;
ix. Cadangan Kajian;
x. Rujukan;
xi. Jadual Perancangan Penyelidikan (dalam bentuk *Gantt Chart*).

3.3 Keutamaan diberikan kepada bidang penyelidikan kajian yang membuat perbandingan dalam konteks tempatan dan global sejajar dengan tujuan untuk menimba ilmu pengetahuan dan amalan terbaik dari negara-negara maju.

3.4 Keutamaan diberikan kepada pegawai yang mempunyai pengalaman dan pernah membentangkan kertas kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan dengan bidang yang akan diambil. Terlibat aktif dalam penulisan berbentuk akademik dan ilmiah.

3.5 **Modul-modul** bagi kursus yang disokong di peringkat Ijazah Sarjana (*Master*) atau Ijazah Kedoktoran Falsafah (*Ph.D*) **hendaklah berkait rapat dengan tugas dan tanggungjawab** yang dilaksanakan pada masa ini.

3.6 Bagi pegawai yang disokong mengikuti kursus di peringkat *Ph.D* hendaklah **menjalani temuduga** oleh Jawatankuasa Kerja Penilai *Ph.D*, JPA.

3.7 Sokongan bagi **tenaga pengajar** hendaklah menyertakan perkara-perkara berikut:

i. **Laporan Pencerapan**;

i. **Keputusan pencapaian pelajar sekurang-kurangnya tiga (3) tahun kebelakangan**; da

iii. **Laporan Sulit dari Dekan /Pengetua /Guru Besar**

3.8 Penghantaran Disertasi hendaklah diselesaikan dalam tempoh kebenaran LDP. Pegawai yang gagal untuk menghadapkan Disertasi dalam tempoh kebenaran awal bagi mengikuti LDP adalah dikira gagal dan tindakan-tindakan seperti dalam SK JPM 24/1988 dan SK JPM 7/1992 akan diambil.

3.9 **Program Pengajian Di Luar Negara**

3.9.1 Pegawai-pegawai yang terpilih oleh IPTA untuk mengikuti program pengajian di luar negara (seperti *Study Abroad Programme /Student Exchange Programme* atau sebanding) akan dipertimbangkan jika **memenuhi syarat kelayakan akademik** sepertimana mahasiswa/wi '*pre-service*' seperti berikut:

Bil	Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)	Syarat Kelayakan Akademik*
1	Universiti Brunei Darussalam (UBD)	CGPA 3.8 ke atas
2	Universiti Teknologi Brunei (UTB)	Average 70% ke atas
3	Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)	Gred B+ atau CGPA 3.33
4	Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)	PNGK 3.3
5	Institusi-institusi Swasta di Negara Brunei Darussalam	CGPA 3.8 ke atas

** Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.*

3.9.2 Jika dibenarkan, pegawai-pegawai akan dihulurkan kadar elaun dan kemudahan-kemudahan sama seperti yang dihulurkan kepada mahasiswa/wi '*pre-service*'.

3.9.3 Skim LDP adalah dikekalkan menurut kebenaran asal iaitu Skim Cuti Belajar Dalam Negeri atau Skim Cuti Tidak Bergaji Dalam Negeri.

3.9.4 Peraturan-peraturan IPTA adalah dirujuk.

4. PERATURAN-PERATURAN LAIN

4.1 Pegawai hanya dibenarkan mengikuti pengajian dibawah Skim LDP **setelah mendapat kebenaran daripada BMLDP.**

4.2 **Tempoh mengikuti LDP** hanya dibenarkan menurut **tempoh asal yang diluluskan oleh BMLDP.** Mana-mana permohonan perlanjutan setelah tempoh asal berakhir pegawai tidak akan menerima sebarang elaun dan kemudahan di bawah Skim LDP sepanjang tempoh perlanjutkan tersebut. Sebarang tuntuan yuran dan apa jua yang melibatkan pembayaran dari pihak Universiti adalah dibawah tanggungan pegawai sendiri.

4.3 Bagi kepentingan kesihatan, kebajikan dan kesejahteraan pegawai yang sedang mengikuti LDP, pegawai yang telah disahkan oleh doktor/pakar perubatan mengalami penyakit-penyakit kronik, tekanan emosi (depression), gangguan mental atau yang serupa dengannya serta tidak berkeupayaan untuk menamatkan kursus dalam masa yang ditetapkan disarankan untuk mendapatkan rawatan perubatan dan status pengajian seterusnya tertakluk kepada pertimbangan BMLDP (sama ada ditangguhkan, dilanjutkan atau ditamatkan).

4.4 Kegagalan dalam menghadapkan tesis/disertasi dalam tempoh kebenaran BMLDP adalah dianggap gagal dalam pengajian dan bonus tahun tamat pengajian akan dikutip balik (jika telah dibayar) seperti dalam SK JPM 24/1988 dan SK JPM 7/1992.

4.5 Pegawai yang telah tamat mengikuti Skim LDP **dikehendaki menghadapkan perkara-perkara berikut dengan segera ke JPA**:

4.5.1. **Borang J** (Laporan Selepas Menjalani Kursus) **selewat-lewatnya dua (2) minggu** dari tarikh melapor diri;

4.5.2 **Salinan Keputusan Peperiksaan, Transkrip Kelulusan dan Salinan Sijil Kelulusan sebaik sahaja diperolehi;**

4.5.3. **Bagi kursus *Master* dan *Ph.D* - Dua (2) salinan tesis /disertasi** dalam bentuk berjilid tebal (*hard cover*) **selewat-lewatnya dua (2) minggu** dari tarikh melapor diri.

PERHATIAN:
Kegagalan bagi menghadapkan perkara-perkara di atas dalam tempoh yang ditetapkan, pegawai /kakitangan yang berkenaan akan **dianggap gagal dalam pengajian /kursus yang diikuti** dan **bonus** tahun tamat pengajian akan **dikutip balik** (jika telah dibayar) seperti dalam SK JPM 24/1988 dan SK JPM 7/1992

4.6 Pegawai yang dalam kes-kes berikut adalah dengan sendirinya ditamatkan daripada Skim LDP adalah dan dikehendaki membayar segala perbelanjaan sepanjang kursus yang diikuti dan bonus pada tahun berkenaan tidak akan dibayar atau dikutip balik (jika telah dibayar);

i. dikenakan tindakan tatatertib;
ii. diberhentikan oleh institusi pengajian;
iii. menarik diri semasa mengikuti pengajian;
iv. menamatkan pengajian tanpa kebenaran; dan
v. lain-lain kes serupa yang akan diputuskan oleh BMLDP.

5. TATACARA MENGHADAPKAN SOKONGAN

5.1 **Borang Permohonan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP-1)** hendaklah diisikan dengan lengkap dan sempurna. **Borang, Senarai Semak (Lampiran A), Ranking Mengikut Keutamaan Kementerian (Lampiran A-1), Maklumat Perancangan Latihan (Lampiran B), Keterangan Anggaran Perbelanjaan Kursus (Lampiran C-II)** dan dokumen yang perlu dihadapkan dan disertakan boleh diperolehi melalui laman sesawang JPA **www.jpa.gov.bn.**

5.2 **JPSTM** di Kementerian-Kementerian hendaklah **memastikan sepenuhnya** supaya semua permohonan yang dihadapkan ke JPA **memenuhi semua syarat, dasar dan peraturan** yang berjalan pada masa ini termasuk perancangan Kementerian /Jabatan masing-masing.

5.3 **JPSTM** mestilah **memastikan** sokongan, RPG yang dikemaskinikan serta semua **salinan sijil, transkrip dan dokumen-dokumen** yang dihadapkan adalah **lengkap, teratur dan diakui sah.** Salinan surat tawaran tempat pengajian (*offer letter*) dan isi kandungan kursus hendaklah dihadapkan bersama dengan borang permohonan.

5.4 **Setiausaha Tetap di Kementerian atau Naib Canselor /Rektor /Ra'es di IPTA masing-masing** hendaklah menghadapkan sokongan berserta **pengesahan RPG telah dikemaskinikan** dan borang permohonan **pada tarikh yang ditetapkan.**

5.5 Sokongan mestilah dihadapkan dengan menggunakan **Borang Permohonan LDP-1** yang telah dikemaskini ke alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam.

(Untuk Perhatian:
Urusetia Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan
Unit Pengurusan Latihan Dalam Perkhidmatan
Bahagian Keanggotaan dan Pentadbiran Latihan)

6. TARIKH AKHIR MENERIMA SOKONGAN

6.1 **Surat Sokongan Kementerian /IPTA, Borang Permohonan LDP-1, Senarai Semak (Lampiran A), Ranking Mengikut Keutamaan (Lampiran A-1), Maklumat Perancangan Latihan (Lampiran B), Keterangan Anggaran Perbelanjaan Kursus (Lampiran C-I) dan dokumen berkaitan yang lengkap** mestilah dihadapkan dan disahkan penerimaannya oleh JPA tidak lewat pada tarikh seperti berikut:

Bil	Tarikh Kursus Bermula	Tarikh Terakhir Menghadapkan ke JPA
i.	Julai 2018 /Ogos 2018	**28 Februari 2018**
ii.	Januari 2019	**30 Ogos 2018**
iii.	Bagi kursus atau penempatan yang bermula selain dari tarikh (i) dan (ii) di atas, sokongan hendaklah dihadapkan sekurang-kurangnya **empat (4) bulan sebelum tarikh rasmi kursus bermula.**	

6.2 **Sokongan yang dihadapkan selepas tarikh-tarikh yang disebutkan di atas akan dikembalikan dan tidak akan diproses.**

6.3 Ketua-ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan jika terdapat pegawai yang mengikuti kursus tanpa kebenaran BMLDP. Kegagalan untuk mengambil tindakan ketua jabatan/pegawai/kakitangan yang terlibat boleh dikenakan Surcaj mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 9/2017.

7. SOKONGAN YANG TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN

7.1 Sokongan yang **tidak dihadapkan melalui JPSTM** di Kementerian masing-masing.

7.2 Sokongan dan Borang Permohonan LDP-1 yang **diterima selepas tarikh yang ditetapkan seperti di Para 6.1.**

7.3 Sokongan yang **tidak menghadapkan Ranking Mengikut Keutamaan (Lampiran A-1), Maklumat Perancangan Latihan bagi Kementerian /Institusi Pengajian (Lampiran B) dan Keterangan Perbelanjaan Kursus (Lampiran C-II).**

7.4 Borang Permohonan LDP-1 yang **tidak lengkap diisikan.**

7.5 **Tidak memenuhi semua syarat-syarat** yang dinyatakan di dalam Surat Pemberitahuan ini.

7.6 **Salinan sijil /dokumen yang tidak disahkan** oleh Ketua Jabatan atau mempunyai maklumat yang tidak benar /palsu.

7.7 **RPG yang tidak dikemaskini** di dalam *GEMS*.

7.8 **Sokongan bagi permohonan kebenaran LDP secara kebelakangan** yang mana pegawai telahpun memulakan kursus tanpa mendapatkan kebenaran dari BMLDP terlebih dahulu.

PERINGATAN:

Sokongan dan borang permohonan yang tidak memenuhi syarat seperti di atas tidak akan diproses dan akan dikembalikan.

Surat Pemberitahuan ini berkuatkuasa mulai **01 Januari 2018.**

والله ولي التوفيق

"Transformasi Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Progresif"

[AWANG ABDULLAH BIN HAJI AHAD]
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Tarikh : 17 Rabiulakhir1439
04 Januari 2018